

UMK30: TERAS 7 – SUASANA PERSEKITARAN YANG KONDUSIF DENGAN PENINGKATAN KUALITI INFRASTRUKTUR, PENDIGITALAN DAN KESEJAHTERAAN HIDUP WARGA UNIVERSITI (Bahagian 2)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam UMK4U, 1 Hati 1 Jiwa.

Menyambung perkongsian minggu lalu, pada kali ini saya ingin menghuraikan dua lagi komponen penting dalam Teras 7, iaitu di bawah Objektif Strategik 14 (OS14) dan Objektif Strategik 15 (OS15), yang memberi penekanan kepada kesejahteraan warga universiti serta pengukuhan penjenamaan dan kedudukan strategik UMK. Di bawah OS14, fokus utama adalah untuk menyediakan suasana kehidupan kampus yang kondusif, seimbang dan inklusif, yang mampu memberi impak positif kepada prestasi kerja, pembelajaran dan perkhidmatan. Pendekatan ini tidak hanya tertumpu kepada kemudahan fizikal, tetapi turut merangkumi kesejahteraan mental, emosi dan sosial warga universiti.

Pelaksanaan inisiatif di bawah OS14 melibatkan pelbagai aspek termasuk kajian kepuasan warga kampus, penganjuran program riadah, sukan dan kebudayaan, pengukuhan aktiviti kerohanian serta pelaksanaan inisiatif kesihatan psikologi dan sokongan psikososial. Selain itu, elemen kampus hijau dan kelestarian turut diberi perhatian sebagai sebahagian daripada usaha mewujudkan persekitaran yang harmoni dan menyokong kesejahteraan secara menyeluruh. Bagi mengukur keberkesanan inisiatif ini, KPI 24 menetapkan sasaran Indeks Kepuasan Warga UMK yang meningkat secara progresif daripada 80% pada tahun 2026 kepada 100% menjelang 2030. Sasaran ini mencerminkan komitmen universiti dalam memastikan kesejahteraan warga bukan sahaja menjadi agenda sokongan, tetapi sebagai pemacu utama kepada kecemerlangan organisasi.

Manakala OS15 pula memberi fokus kepada pengukuhan penjenamaan dan kedudukan strategik UMK melalui persekitaran kampus yang kondusif, lestari dan bersepadu dengan ekosistem universiti. Dalam persaingan global masa kini, reputasi universiti bukan sahaja bergantung kepada pencapaian akademik, tetapi juga persepsi, keterlihatan dan keupayaan membina jaringan strategik yang berimpak. Pendekatan ini melibatkan usaha memperkukuh naratif penjenamaan melalui penonjolan pencapaian, pengukuhan kolaborasi strategik, pengiktirafan kepakaran akademik serta penglibatan aktif pelajar dan alumni sebagai duta universiti. Matlamatnya adalah untuk membentuk identiti UMK sebagai universiti keusahawanan yang progresif dan relevan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dari segi sasaran, KPI 25 menetapkan peningkatan indeks keterlihatan dan reputasi daripada 70% pada 2026 kepada 90% menjelang 2030. Sementara itu, KPI 26 menyasarkan peningkatan pemasaran strategik daripada 80% kepada 100% dalam tempoh yang sama, melalui pengukuhan strategi komunikasi, peluasan capaian digital dan penyampaian mesej yang lebih berkesan kepada pemegang taruh. Secara keseluruhannya, OS14 dan OS15 melengkapkan pelaksanaan Teras 7 dengan memberi keseimbangan antara kesejahteraan dalaman warga universiti dan pengukuhan imej serta kedudukan institusi di peringkat luaran. Kedua-dua aspek ini saling melengkapi dalam memastikan UMK bukan sahaja berfungsi sebagai institusi pendidikan tinggi, tetapi sebagai sebuah ekosistem yang dinamik, berdaya tahan dan berorientasikan impak.

Sebagai penutup kepada keseluruhan siri ini, UMK30 jelas mencerminkan komitmen bersama dalam mentransformasikan universiti ke arah institusi keusahawanan yang berdaya saing, inklusif dan berimpak tinggi. Kejayaannya bergantung kepada kesepaduan peranan, kejelasan hala tuju serta iltizam seluruh warga universiti dalam menterjemahkan setiap strategi kepada tindakan yang berkesan. Besarlah harapan saya agar UMK30 bukan sekadar menjadi dokumen rujukan, tetapi berperanan sebagai pemacu perubahan berterusan yang membentuk masa depan universiti yang lebih cemerlang, di samping menyumbang secara signifikan kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Ikhlas,
Arham Abdullah